

## **Penyertaan Belia dalam Program Pembangunan Komuniti di Felda Jerangau, Terengganu**

MOHD RAZALI HARUN & SARJIT S. GILL

### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan senario penyertaan belia dalam program pembangunan komuniti anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) di Felda Jerangau, Terengganu. Pengumpulan data dijalankan melalui kerja lapangan dengan menggunakan kaedah temubual mendalam dan pemerhatian. Lapan orang informan telah ditemubual, antaranya ahli JKKR Felda Jerangau, golongan belia dan peneroka. Dapatan kajian menunjukkan belia di Felda Jerangau terlibat dalam beberapa program pembangunan dari aspek sosial, ekonomi dan politik serta kepimpinan. Namun begitu, penyertaan belia dalam program pembangunan anjuran JKKR Felda Jerangau kurang mendapat sambutan. Hal ini kerana terdapat beberapa faktor penghalang yang menyebabkan penyertaan belia kurang memuaskan. Antaranya, masalah perpaduan dan konflik politik kepartian, masalah sosial belia dan masalah dalaman JKKR Felda Jerangau itu sendiri. Oleh itu, faktor-faktor penghalang tersebut perlu diselesaikan segera oleh pihak berwajib khususnya JKKR Felda Jerangau yang merupakan badan pemesyuaratan tertinggi di rancangan Felda. Dalam hal ini kerjasama antara golongan belia dan JKKR Felda Jerangau juga perlu dibentuk supaya agenda pembangunan belia di rancangan Felda Jerangau dicapai dengan adanya penyertaan positif dan proaktif daripada golongan belia.*

**Kata kunci:** *Belia, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan*

### ABSTRACT

*This study aims to identify participation of youths in development programs organized by the Committee for Development and Program Security (JKKR) at Felda Jerangau, Terengganu. Collection of data was done by fieldwork, using in-depth interview method and also by observation. Eight informants, including members of JKKR, youths and Felda settlers, were*

*interviewed. The research findings show that youths at Felda Jerangau were involved in a number of social, economic, political and leadership development programs. However, there was poor response of youths towards programs organized by the JKKR. This was because there were a number of obstructive factors which led to the participation of youths to be less than satisfactory. Among the factors are disunity, political party conflicts, youth social problems and internal problems within the JKKR itself. As such, these problems need to be resolved immediately by the necessary parties, especially the JKKR, which is the highest convening body in the Felda program. In this regard, co-operation among youths and the JKKR needs to be fostered so that the youth development agenda at the Jerangau Felda program is achieved, with the positive and proactive participation of the youths.*

**Keywords:** *Youth, Committee for Development and Program Security*

## PENGENALAN

Belia adalah aset penting negara yang bernilai dan berupaya menjana kemajuan masyarakat. Kepentingan belia dalam sesebuah negara tidak dapat dinafikan kerana tanpa belia sudah tentu negara tersebut tidak akan membangun. Mana-mana negara yang ingin membangun dengan pesat akan mengembeleng tenaga golongan belia yang menjadi sumber tenaga kerja dalam pelbagai bidang. Mereka perlu memainkan peranan secara proaktif sebagai rakan kongsi dalam pembangunan secara berterusan bagi menyambung usaha pembangunan ke arah pencapaian Wawasan 2020 yang hanya tinggal satu dekad lagi dari sekarang (Turiman et al., 2008a).

Di Malaysia, jumlah belia sudah menjangkau 11.10 juta orang belia di negara ini yang merupakan kira-kira 41.5 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, 2006). Pada tahun 2010, jumlah belia dijangka meningkat menjadi 11.65 juta orang (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010). Dengan jumlah tersebut, ia memberi gambaran jelas kepada negara bahawa golongan belia ini perlu diberikan perhatian serius lantaran jumlah mereka yang bakal mencecah 50 peratus daripada populasi penduduk di Malaysia. Peningkatan jumlah belia dari semasa

ke semasa akan memberi cabaran getir khususnya kepada pihak kerajaan dalam merangka pelan pembangunan khas kepada belia. Ini kerana golongan belia merupakan aset berharga kepada negara lantaran mereka bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh itu, bakat kepimpinan mereka perlu diasuh dan diasah. Mereka harus dibawa bersama dalam usaha pembangunan negara di peringkat perancangan, kepimpinan dan pelaksanaan (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006). Justeru, program pembangunan belia perlu dirancang dengan teliti supaya dapat meningkatkan penyertaan belia. Tanpa penyertaan daripada belia, agak sukar matlamat pembangunan belia dicapai.

## PEMBANGUNAN BELIA

Belia merupakan salah satu unsur daripada kelompok komuniti. Usia belia sesuatu yang lumrah kerana sesiapa yang meningkat usia tua pasti akan melalui zaman belianya. Oleh itu, sebagai salah satu 'watak' penting dalam sesebuah komuniti, belia perlu diberi perhatian sewajarnya. Di Malaysia, isu pembangunan belia semakin mendapat sambutan apabila Dasar Belia Kebangsaan digubal pada tahun 1985 sempena Sambutan Perayaan Tahun Belia Antarabangsa yang pertama. Menurut Samsudin (2005), pembangunan belia adalah satu isu penting dalam pembangunan negara. Namun begitu, subjek pembangunan belia ini masih dianggap sebagai satu isu yang mudah dan kurang mendapat perhatian.

Belia didefinisikan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur antara 18 hingga 25 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara 1997). Sebenarnya, Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 diperkenalkan hasil usaha kajian semula ke atas Dasar Belia Negara 1985 yang sedia ada. Menurut Mohd Jamil (1994), Perhimpunan Agung Majlis Belia Malaysia (MBM) pada 28 hingga 30 April 1978 di Kuala Lumpur mencadangkan supaya MBM dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merangka Dasar Belia Negara berdasarkan prinsip-prinsip tertentu. Hasilnya, Dasar Belia Negara dibentuk dan diluluskan oleh Kabinet Malaysia pada 18 Disember 1985. Fokus utama diberikan kepada belia dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun kerana pada usia sedemikian, belia masih dalam proses mencari

ilmu, memiliki semangat dan berjiwa kental dan kurang komitmen kepada hal ehwal rumah tangga. Namun begitu, belia yang berumur melebihi 25 tahun tidak dipinggirkan begitu sahaja. Ini kerana masih ramai daripada mereka yang aktif dalam persatuan belia dan ada yang masih memegang jawatan penting dalam persatuan belia.

Apa yang menjadi persoalan sekarang, apakah itu pembangunan belia? Adakah belia itu dianggap membangun sekiranya mereka mempunyai pekerjaan yang baik dan berpendapatan tinggi semata-mata? Kini terdapat cadangan agar pembangunan belia beralih kepada pendekatan defisit yang berorientasikan masalah kepada pendekatan positif yang berorientasikan pembangunan keupayaan belia itu sendiri (Samsudin, 2005). Pembangunan belia positif merupakan proses yang menyediakan golongan muda untuk menghadapi cabaran-cabaran alam keremajaan dan kedewasaan melalui pelbagai siri aktiviti progresif yang diselaraskan untuk membantu golongan muda mencapai satu tahap keupayaan sosial, moral, emosi dan kognitif yang baik (Delgado, 2002) (Dipetik daripada Samsudin, 2005).

Pembangunan belia juga sering dikaitkan dengan budaya berpersatuan. Ini kerana, salah satu cara untuk memacu pembangunan belia ialah melalui penyertaan mereka dalam organisasi formal, yang berdaftar dengan pihak berkuasa. Semenjak sebelum merdeka lagi, iaitu 1906, persatuan belia telah wujud di negara ini seperti persatuan bercorak rekreasi, keagamaan mahupun pakaian seragam (Suroya, 1998). Bagi menyatukan belia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, etnik dan agama, maka ditubuhkan badan induk untuk menyelaras kegiatan yang dianjurkan oleh pertubuhan belia iaitu Majlis Belia Malaysia (MBM). Tujuan penubuhannya adalah untuk menggalakkan kemajuan belia yang seimbang dalam bidang yang merangkumi bidang ekonomi, sosial, mental, fizikal, akhlak dan politik (Azimi et al., 2002).

Persatuan-persatuan belia yang ditubuhkan merupakan badan bukan kerajaan. Oleh yang demikian, kegiatan dan program yang dijalankan bukan untuk menjana keuntungan, tetapi memberi khidmat bakti kepada generasi belia menceburkan diri dalam lapangan kesukarelawanan. Justeru, setiap khidmat yang dihulurkan kepada komuniti berdasarkan keikhlasan, kesedaran dan semangat kemanusiaan. Kesukarelawanan sering memfokus kepada nilai-nilai perkongsian, kerjasama dan tolong menolong sesama manusia dalam melaksanakan sesuatu kegiatan atau

menangani sesuatu masalah (Azizan, 2005). Nilai-nilai murni inilah yang menjadi tunjang kepada pembentukan jatidiri serta memupuk daya kepimpinan dalam kalangan belia.

Dalam wacana pembangunan belia, aspek program pembangunan juga amat ditekankan. Program-program pembangunan belia perlu dirancang dengan teliti supaya ia dapat memenuhi kehendak golongan belia. Program-program pembangunan belia dikategorikan kepada empat kumpulan utama iaitu ekonomi, sosial, pendidikan dan keagamaan (Azimi et al., 2002). Apa yang pasti, keempat-empat kumpulan utama tersebut amat diperlukan oleh belia dalam membangunkan diri mereka. Oleh itu, pembangunan belia difahami sebagai satu proses perubahan terancang yang terhadap belia untuk meningkatkan aspek-aspek kehidupan terutamanya insaniah, sosial, ekonomi dan politik (Mohd Razali, 2008). Dalam hal ini, semua aspek kehidupan perlu dibangunkan dengan seimbang tanpa mencicirkan salah satu daripadanya. Semua aspek tersebut perlu diperkukuhkan kerana ia amat berkaitan antara satu sama lain. Apa yang pasti, dalam membangunkan belia ini, aspek penyertaan belia perlu dititikberatkan kerana yang menjadi sasaran adalah belia.

#### PENYERTAAN BELIA DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN DI FELDA JERANGAU

Secara keseluruhannya, golongan belia merupakan golongan majoriti dalam sesebuah masyarakat atau komuniti terutama di penempatan seperti tanah rancangan Felda. Maka, dengan status sebagai kelompok terbesar, belia mampu memberi sumbangannya dalam memajukan rancangan sama ada dalam bentuk tenaga, masa dan idea pemikiran. Bagi tujuan tersebut, ia tidak mungkin berlaku tanpa penyertaan golongan belia ini. Justeru, dengan bilangan yang begitu ramai, belia harus bersama-sama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) dan ahli komuniti lain dalam menyumbang ke arah pembentukan komuniti yang mampu bersaing dengan komuniti-komuniti lain. Oleh itu, peranan JKKR dalam membangunkan belia di Felda amat dititikberatkan. Misalnya, JKKR mempunyai peranan dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk pembangunan belia setempat. Walau pun begitu, komuniti setempat harus sedar bahawa bukan semua belia yang ada di rancangan

mampu memberi komitmen terhadap pembangunan komuniti tersebut.

Hasil kajian mendapati bahawa belia di Felda Jerangau terpinggir dari aktiviti kemasyarakatan dan menghadapi masalah dengan JKRR. Permasalahan ini wajar dirungkai kerana ia memerlukan gambaran jelas tentang masalah yang mendepani belia khususnya di kawasan tanah rancangan Felda. Masalah ini perlu di atasi segera agar keringat mereka yang sentiasa ditagih komuniti Felda dapat direalisasikan secepat mungkin. Oleh itu, pengkaji mengkategorikan program kepada tiga kategori supaya fenomena penyertaan belia dalam program pembangunan dapat dirungkai dengan lebih terperinci dan jelas. Perlu ditegaskan bahawa huraian berkaitan ketiga-tiga program ini akan memberi gambaran jelas tentang pelaksanaan program-program anjuran JKRR. Ini kerana sebagai badan induk di Felda JKRR bertanggungjawab dalam menyediakan program bersesuaian kepada belia bagi menjamin kesinambungan pembangunan belia di Felda Jerangau. Ketiga-tiga program tersebut dihuraikan seperti berikut:

## PROGRAM SOSIAL

Komuniti Felda yang bermula dengan penghijrahan secara besar-besaran ke kawasan baharu mementingkan pembangunan sosial demi kemajuan anak peneroka yang meningkat usia belia. Pelbagai program sosial dirancang dan dilaksanakan di Felda Jerangau khusus kepada belia. Disebabkan semua peneroka Felda Jerangau adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam, maka pihak JKRR mudah mengadakan pelbagai program keagamaan. Dari sudut merangka dan melaksanakan program, ia suatu kelebihan. Namun begitu, kelebihan majoriti penuh ini tidak menggambarkan bahawa setiap program keagamaan yang dianjurkan mendapat sambutan sepenuhnya daripada golongan sasaran, iaitu belia. Kamal<sup>14</sup> menegaskan:

---

<sup>14</sup> Kamal berusia 26 tahun dan merupakan lulusan diploma kejuteraan elektrik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau aktif dalam pelbagai persatuan dan pertubuhan serta memegang beberapa jawatan penting seperti Pengerusi Persatuan Belia Felda Jerangau, Setiausaha Pemuda UMNO Cawangan Felda Jerangau dan Ahli Jawatankuasa Kelab Perkuburan Felda Jerangau.

*Sebenarnya banyak juga program JKKR buat. Misalnya, program agama macam bacaan Yassin, tahlil, gotong royong dan banyak lagi. Pulak tu program ekonomi dok dapat perhatian JKKR. Kalau nak jalan program ekonomi, kena gantung ke persatuan belia semata-mata lah. Sebabnya mudah je, tak dok peruntukan khas untuk bangunkan belia. Kalau nak program jalan molek, persatuan mesti minta dengan JKKR. Misalnya, kelmarin ahli-ahli persatuan belia pergi ke Besut untuk satu program, tapi tak dok peruntukan khas disediakan. Sumber kewangan persatuan juga agak terhad. Tapi, baru-baru ni JKKR ada anjur program sukan rakyat sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Peneroka. Saya percaya golongan belia main peranan penting.*

Program keagamaan seperti ceramah, bacaan Surah Yassin dan lain-lain aktiviti kurang disertai oleh belia. Majoriti program keagamaan ‘dimonopoli’ golongan peneroka iaitu ibu bapa sahaja. Namun begitu, dalam sesetengah program agama, ia amat mendapat sambutan. Ini kerana program tersebut mempunyai daya tarikan tersendiri seperti kebolehan seseorang menyampaikan ceramah mengikut cita rasa belia. Namun begitu, program-program tertentu seperti kursus pengurusan jenazah dan kursus pra-perkahwinan mendapat sambutan menggalakkan. Ini kerana perkara tersebut dianggap mempunyai kepentingan yang jelas kepada belia.<sup>15</sup>

Di samping itu, sesetengah amalan keagamaan rutin dalam kehidupan semakin tidak menarik minat golongan belia. Misalnya, solat berjemaah di masjid dan surau di sekitar tanah rancangan Felda Jerangau hanya dibarisi oleh golongan peneroka sahaja. Kehadiran belia ke masjid amat mendukacitakan apabila terdapat segelintir belia sahaja dalam setiap *saf* (barisan). Namun, semasa solat Jumaat pula penyertaan belia kurang memberangsangkan apabila sesetengah belia melepak dan merokok di tepi masjid terutama ketika khatib membaca khutbah. Tingkah laku sedemikian tidak sopan sama sekali kerana tidak menghormati khutbah

---

<sup>15</sup> Keterangan daripada En.Zubir melalui temubual. Beliau juga menyatakan bahawa beberapa tahun lalu terdapat satu majlis kuliah agama yang dikendalikan oleh Ustaz Zaki. Majlis kuliah agama mingguan itu mendapat sambutan hangat daripada belia. Namun, apabila Ustaz Zaki diganti dengan penceramah lain, penyertaan belia semakin merosot.

yang disampaikan.<sup>16</sup> Melalui pemerhatian pengkaji terdapat sesetengah belia yang menunggang motosikal dengan laju, sambil mengeluarkan bunyi yang begitu kuat semasa melalui kawasan masjid lebih-lebih lagi ketika jemaah sedang menunaikan solat.

Selain itu, kurangnya penyertaan belia dalam program berbentuk keagamaan ini membawa kesan pembaziran yang amat nyata. Setiap program yang dianjurkan memerlukan perbelanjaan besar tapi kebanyakan belia tidak mempunyai kesedaran berkenaan perkara tersebut. Misalnya, pada 18 Ogos 2006, JKKR telah mengadakan Forum Perdana yang menjemput penceramah daripada luar rancangan, namun ia kurang mendapat sambutan. Tambah mendukacitakan, program yang sepatutnya bermula jam 9.00 malam terpaksa ditunda sehingga jam 10.00 malam akibat kurang kehadiran ahli komuniti.

Namun begitu, aktiviti kesukanan mendapat daya tarikan dan minat yang tinggi dalam kalangan belia berbanding program lain. Belia gemar bersukan terutama pada sebelah petang, iaitu selepas penat membanting tulang di ladang. Sepanjang pemerhatian, pengkaji dapati hanya sebilangan kecil sahaja belia yang melibatkan diri dalam aktiviti kesukanan. Yang lain sekadar berpuas hati dengan menjadi penonton sambil merokok, melepak dan berbual dengan rakan belia. Kegiatan sukan yang menjadi perhatian belia adalah bola sepak, sepak takraw dan badminton. Kebelakangan ini sukan futsal juga menjadi 'kegilaan' golongan belia. Namun, satu gelanggang futsal di rancangan tidak dapat menampung jumlah belia yang menanti giliran mereka untuk bermain. Kebanyakan belia yang menjadi penonton pula tidak berpuas hati kerana mereka tidak dapat terlibat secara aktif dalam sukan futsal.<sup>17</sup> Semasa pengkaji menonton belia bermain futsal

---

<sup>16</sup> Maklumat daripada pemerhatian pengkaji semasa melawat ke rancangan. Kebanyakan mereka yang hadir berjemaah di masjid terdiri daripada golongan peneroka dan penerokawati. Bilangan saf pada waktu siang sekitar satu *saf* sahaja, manakala pada waktu malam sekitar dua *saf*.

<sup>17</sup> Tambahan pula, gelanggang futsal dibina di atas tapak asal gelanggang sepak takraw. Hal ini juga mencetus rasa tidak puas hati dalam kalangan peminat sukan sepak takraw apabila mereka tiada gelanggang untuk bermain. Seringkali berlaku 'pergaduhan' kecil antara belia kerana masing-masing mahu menggunakan gelanggang tersebut.



terdapat ramai kalangan belia di tepi gelanggang yang bercakap sesama mereka bahawa setiap petang hanya belia yang sama berpeluang bermain futsal. Ini menunjukkan bahawa di rancangan Felda Jerangau, kemudahan untuk belia bersukan adalah terhad.

## PROGRAM EKONOMI

Dalam menjalani kehidupan yang kian mencabar di rancangan, JKRR tidak melupakan aspek pembangunan ekonomi untuk belia. Beberapa tahun yang lalu beberapa projek ekonomi pertanian dijalankan, namun ia hanya berjalan separuh jalan sahaja. JKRR dengan bantuan pihak Felda telah menyerahkan sebidang tanah berhampiran kawasan perumahan peringkat tiga kepada belia. Tanah itu diusahakan untuk tujuan projek pertanian berkelompok dengan mengkhusus kepada tanaman sayur-sayuran. Kini, tanah tersebut terbiar begitu sahaja. Penyertaan dalam program ekonomi digambarkan oleh Abu Bakar<sup>18</sup> seperti berikut:

*Untuk pembangunan belia, JKRR serah kepada persatuan belia. JKRR hanya bantu dari segi kewangan dan kemudahan. JKRR beri kebebasan kepada belia untuk anjur program. Program yang dianjurkan biasanya persatuan belia bergabung dengan pemuda Umno. Sekarang JKRR merangka untuk belia cari sumber kewangan sendiri. Contohnya, JKRR cadangkan belia menanam kelapa sawit di kawasan tanah rezab Felda, tapi tindakan daripada belia sendiri agak lemah. JKRR telah setuju beri pinjaman untuk urus ladang. Leni, JKRR dok dapat reaksi daripada persatuan belia. Pada pendapat pakcik belia kurang berminat sebab tanaman tu jadi milik kelompok, bukan individu. Sebab itu belia kurang bersungguh-sungguh dalam menjayakan program tu. JKRR juga anjur kursus untuk menambah ilmu dan kemahiran.*

---

<sup>18</sup> Abu Bakar, 64 tahun telah dilahirkan di Kampong Nibong, Hulu Terengganu. Beliau telah menetap di rancangan Felda selama hampir 40 tahun. Beliau kini berkhidmat sebagai Naib Pengerusi JKRR Felda Jerangau, merangkap Pengerusi JKRR Felda Jerangau A.

Manakala Zubir<sup>19</sup> pula menegaskan:

*Saya dok nampak program yang dibuat JKRR untuk belia di kawasan ni. Program hok ada pun hanya tumpu pada kursus, seminar dan lawatan sambil belajar saja. Program tu melibatkan sesetengah orang saja dan biasanya orang yang sama je dapat peluang. Ada juga golongan belia hok merungut sebab dok puashati dengan pemilihan gi kursus atau program. Projek ekonomi boleh dikatakan tak dok langsung. Kalau projek ada, benda tu jalan separuh jalan saja dan akhirnya gagal sepertimana program yang dibuat sebelum ni. Kalau ada pun belia yang berjaya dalam bidang pertanian dan keusahawanan, puak ni anak beranak tolong, bukan JKRR. Tu pun cuma 2-3 orang saja. Dari segi kegiatan ekonomi secara berkelompok tak dok langsung. Penyertaan dalam program amat kurang sebab tempat yang ada terhad. Sebab itu, segelintir saja yang dapat peluang terutama geng pemimpin atasan belia. Untuk buat program yang boleh pakat ramai-ramai belia join, saya nampak tak dok pihak mampu buat semua tu, maksud saya pemimpin belia lah.*

Namun begitu, kini usaha mewujudkan projek-projek ekonomi kepada belia semakin sepi. Sesetengah belia mempunyai kesedaran dalam hal ini tetapi cita-cita murni untuk mengadakan suatu program ekonomi terbatas kerana sumber kewangan terhad. Setiap program yang ingin dijalankan perlu mendapat sumbangan kewangan daripada JKRR semata-mata. Setakat ini belia mampu menjalankan program ekonomi kecil-kecilan sahaja bermodalkan sedikit sumbangan ikhlas daripada ahli-ahli persatuan belia. Beberapa projek ekonomi bermodal kecil dicadangkan

---

<sup>19</sup> Zubir telah memasuki rancangan pada 1986. Dilahirkan di Kampung Wakaf Tapai, Marang. Beliau merupakan seorang peneroka yang aktif dalam kerja sukarela dan berpengalaman luas dalam bidang pekerjaan berasaskan kelapa sawit. Antara pengalaman beliau ialah bekerja sebagai budak pejabat (office boy) di Pejabat Felda Jerangau (1974-1978), kerja kilang Felda Jerangau Barat (1978-1985), AJK Pertubuhan Belia Kembang Desa Felda Jerangau (Perkasa) (1974-1980)<sup>19</sup>, Ketua Pemuda Umno Cawangan Felda Jerangau (1974-1980an), Setiausaha Umno Cawangan Felda Jerangau (1995 hingga kini), Setiausaha JKKK Felda Jerangau A (1999 hingga kini), Setiausaha Koperasi Felda Jerangau (1997 hingga sekarang), Ketua Perhubungan Rela Mukim (KPRM) (1986 hingga sekarang)

untuk dilaksanakan seperti projek pertanian serta penternakan. Ada di antara cadangan tersebut telah dijalankan seperti projek tanaman tebu di atas sebidang tanah sekitar padang bola. Projek ini berjalan lancar kerana penggunaan tanah sebagai tapak tanaman tebu diluluskan oleh JKRR dan pihak pejabat Felda.

Projek ekonomi berkelompok yang dijalankan setakat ini hanya melibatkan segelintir belia sahaja. Penyertaan dalam projek tersebut hanya melibatkan belia yang berjawatan dan aktif dalam persatuan belia. Ini menunjukkan bahawa projek sedemikian dimonopoli oleh golongan berpengaruh dan rapat dengan kepimpinan belia sahaja dan belia lain semacam terpinggir. Perkara ini mencetus rasa tidak puas hati dalam kalangan golongan belia yang tidak terlibat dengan projek ekonomi.

Salah satu masalah yang dikenalpasti ialah ada kalangan belia yang kurang berminat menjalankan kegiatan ekonomi secara berkelompok. Mereka ini lebih berminat menjalankan kegiatan ekonomi pertanian secara individu. Namun begitu, permintaan seperti ini agak mustahil dipenuhi ekoran keluasan tanah yang terhad untuk dibahagikan kepada keseluruhan belia. Perkara ini terbukti apabila golongan belia tidak mengambil tindakan sewajarnya terhadap cadangan JKRR supaya menjalankan projek tanaman kelapa sawit di kawasan tanah rizab Felda. Dalam projek tersebut, JKRR bersetuju memberikan pinjaman kewangan. Namun begitu, cadangan itu dipandang sepi oleh belia kerana ia projek berbentuk kelompok, bukan milik persendirian.

## PROGRAM POLITIK DAN KEPIMPINAN

Belia merupakan generasi pewaris kesinambungan rancangan Felda. Oleh itu, golongan ini perlu diberikan perhatian sewajarnya terutama dalam soal politik dan kepimpinan. Apabila generasi peneroka pertama tiada, maka semua tanggungjawab dialihkan kepada belia sebagai pengganti. Ia bukan sahaja penyerahan sebidang tanah ladang, tetapi lebih daripada itu. JKRR yang menjadi institusi tertinggi dalam rancangan juga bakal diwariskan kepada mereka.

Perkara tersebut sudah disedari lebih awal oleh pelbagai pihak termasuk pihak Felda dan JKRR. Untuk itu, belia di rancangan digalakkan

menyertai sebarang persatuan dan badan-badan di bawah naungan JKRR. Sokongan dan galakan ini penting supaya belia dapat melatih, mencungkil bakat kepimpinan seterusnya mengambil alih badan yang lebih besar seperti JKRR pada masa akan datang. Bukan setakat itu sahaja, JKRR sebagai badan tertinggi menyokong penuh penubuhan semula persatuan belia yang pernah berkubur beberapa tahun lalu.

Namun demikian, penubuhan persatuan belia ini hanya mendapat sambutan segelintir belia sahaja. Buktinya semasa Majlis Mesyuarat Penubuhan Persatuan Belia Felda Jerangau, hanya 30 orang yang menyertainya iaitu 18 orang belia dan 12 orang beliawanis.<sup>20</sup> Keahlian belia dalam persatuan juga amat mendukacitakan. Sepanjang beberapa bulan menjalani kajian lapangan di rancangan, keanggotaan persatuan belia hanya sekitar 50 orang.<sup>21</sup> Ternyata penyertaan belia dalam persatuan adalah berada pada tahap rendah jika dibandingkan dengan jumlah belia yang masih bermastautin di rancangan. Anak-anak peneroka yang berumur dalam lingkungan usia belia dianggarkan seramai 2000 orang. Namun begitu, dianggarkan lebih separuh daripada jumlah tersebut yang masih bermastautin di rancangan. Maka, dapat dinyatakan bahawa hanya 5 peratus sahaja belia di Felda Jerangau yang berdaftar sebagai ahli persatuan belia.

Kes sebegini bukan hanya berlaku dalam persatuan belia, tetapi berlaku dalam badan-badan lain seperti Ikatan Relawan Rakyat (Rela) di Felda Jerangau. Pertubuhan Rela yang begitu sinonim terhadap program kebajikan khususnya dalam aspek keselamatan kurang mendapat perhatian golongan belia. Jika ada penyertaan, ia tertumpu kepada belia berumur 30an ke atas. Beberapa tahun lepas terdapat kadet bomba yang dipelopori golongan belia, tetapi kerana kurang sambutan dan ketandusan kepimpinan, maka ia berkubur begitu sahaja. Setakat ini, tiada sebarang usaha untuk menghidupkan semula kadet tersebut. Namun begitu, hujah Badli<sup>22</sup>:

---

<sup>20</sup> Minit Mesyuarat Penubuhan Persatuan Belia Felda Jerangau pada 19 November 2005.

<sup>21</sup> Angka ini merupakan anggaran yang dinyatakan oleh Setiausaha Persatuan Belia Felda Jerangau, Cik Aini. Data lengkap keahlian belia tidak dapat disediakan oleh pihak berkenaan.

<sup>22</sup> Badli berusia 33 tahun merupakan menantu kepada peneroka di rancangan. Beliau berasal dari Jitra, Kedah dan menetap di Felda Jerangau selama 15 tahun. Beliau adalah seorang peniaga dan tidak melibatkan diri dalam mana-mana persatuan atau pertubuhan.

*Saya duk perhati aspek sukan je hok keutamaan JKRR untuk majukan belia. Ada juga JKRR tubuh kadet perkuburan untuk belia buat kerja sukarela. Tapi dalam kelab itu pun ada masalah juga. Kelab itu hanya disertai oleh pemuda-pemuda Umno saja yang kebanyakannya ibu bapa mereka penyokong kuat Umno. Pemuda-pemuda Pas pula tak boh masuk kelab tu sebab tak dok sebarang hebahan pada semua belia. Pendaftaran pula tak dok. Pemuda Pas pula anggap mereka dipinggirkan sebab tidak sehaluan dalam pandangan politik. Padahal dalam kerja kebajikan gini, tidak perlulah ditonjol imej kepartian. Kalu pemuda Pas nak ikut serta pun susah sebab tak dok jemputan atau pendaftaran dibuka kepada orang ramai. Setakat ini tak dok projek-projek besar hok boleh manfaat semua belia.*

Selain itu, golongan belia di rancangan juga terlibat secara langsung dengan kegiatan politik kepartian. Penyertaan mereka adalah melalui kegiatan khususnya di bawah sayap Pemuda Umno dan Pemuda Pas. Perkara ini memberi kesan kepada daya kepimpinan generasi belia apabila dalam kalangan mereka dilantik menjadi penyandang kepada beberapa jawatan penting dalam parti di peringkat cawangan. Dengan jawatan di samping tanggungjawab yang diberikan, belia-belia ini mampu melatih dan mengasah bakat kepimpinan dari peringkat bawahan lagi. Sentimen politik kepartian wujud dalam kalangan belia. Misalnya, dalam program kadet perkuburan, belia daripada Pemuda Pas kurang terlibat secara aktif. Ini kerana mereka beranggapan bahawa kadet tersebut dimiliki oleh parti Umno lantaran jawatan penting dalam organisasi tersebut dimonopoli oleh Pemuda Umno. Kadet tersebut sebenarnya terbuka kepada semua yang berminat, namun pendaftaran secara formal tidak dibuat dengan terbuka dan sesetengah belia seringkali beranggapan bahawa ia sebuah persatuan milik Umno.

## FAKTOR-FAKTOR PENGHALANG PENYERTAAN BELIA DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN

Salah satu daripada keprihatinan masyarakat dunia terhadap golongan belia ialah penyertaan belia dalam proses membuat keputusan yang bakal mencorakkan masyarakat sesebuah negara pada masa depan

(Nobaya, 2009). Hal ini tidak terkecuali kepada belia di rancangan Felda yang masyarakatnya telah dibina sebelum kemerdekaan negara dicapai. Penyertaan belia dalam pelbagai program yang dijalankan khususnya di rancangan Felda Jerangau kurang mendapat sambutan yang memberangsangkan. Jika diteliti, pelbagai program telah diatur untuk membangunkan belia di Felda Jerangau. Persoalannya, apakah program yang dijalankan itu masih belum mencukupi? Kenapakah program yang dianjurkan kurang mendapat sokongan daripada golongan belia? Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor penghalang penyertaan belia dalam program pembangunan, iaitu:

### **Masalah perpaduan dan Konflik Politik Kepartian**

Masalah kurangnya perpaduan dalam kalangan belia di rancangan Felda Jerangau telah lama berlaku. Malahan, isu perpaduan di rancangan Felda ini telah dibangkitkan lebih awal. Menurut Yaacob Harun (1987), menjelaskan bahawa masalah perpaduan dan integrasi sosial ini berpunca daripada salah satunya faktor penempatan keluarga yang dibahagikan kepada beberapa blok. Walaupun, komuniti rancangan tanah Felda Jerangau ini telah lebih 40 tahun dibina, namun isu perpaduan masih lagi berbangkit hingga ke hari ini. Kini, di Felda Jerangau mempunyai 40 blok, seiring dengan penerimaan kemasukan peneroka. Dengan jumlah ini sudah tentu ia bilangan yang ramai untuk mengembeleng tenaga bagi memajukan komuniti (Mohd Razali, 2008). Apa yang pasti sentimen blok penempatan masih lagi membelenggu komuniti Felda dan seterusnya diwarisi oleh generasi belia pula. Inilah apa yang dinamakan Yaacob Harun (1987) sebagai “bloksentrik”.

Kesannya begitu jelas apabila perpaduan dalam kalangan belia agak longgar. Segala program yang dijalankan hanya disertai oleh segelintir belia sahaja. Belia di Felda Jerangau seolah-olah tidak kesepakatan dalam menjayakan program yang diadakan khas untuk mereka. Persoalannya, bagaimana keadaan rancangan Felda akan datang sekiranya masalah perpaduan dalam kalangan belia masih lagi membarah? Perkara ini menjadi lebih buruk dengan adanya konflik politik kepartian dalam kalangan belia. Dalam konflik ini, ia melibatkan perselisihan antara belia pro-Umno dan pro-Pas. Kedua-dua pihak ini saling ‘berperang’ dalam pelbagai perkara terutama menjelang Pilihan Raya Umum (PRU). Pertelingkahan tersebut membawa kepada pemulauan program yang dianjurkan oleh kedua-dua

pihak. Natiujahnya, program yang dijalankan hanya mendapat sambutan daripada satu pihak sahaja.

### **Masalah Sosial Belia**

Dengan perubahan zaman dan pengaruh globalisasi yang semakin menghimpit kehidupan manusia, ia tidak terkecuali kepada golongan belia di luar bandar khususnya di rancangan Felda. Masalah sosial yang melanda belia di kawasan bandar juga telah merebak ke rancangan Felda. masalah sosial tidak ada definisi universal, malar, atau mutlak. Masalah sosial ditentukan oleh kombinasi kriteria objektif dan subjektif yang berbeza di dalam masyarakat, antara individu-individu dan kelompok dalam suatu masyarakat, dan seluruh tempoh masa sejarah (Linda et al., 2000). Dalam tiga dekad yang lalu, gejala penagihan dadah mula menular dalam komuniti Felda khususnya golongan belia. Kini, masalah penagihan dadah semakin berleluasa dan belia Felda berhadapan dengan masalah sosial lain. Perkara ini semakin meruncing dari semasa ke semasa. Golongan belia lebih berminat dengan aktiviti negatif. Antara masalah sosial lain yang semakin ketara dalam kalangan belia di Felda Jerangau ialah ketagihan air ketum, pil kuda, ubat batuk, perjudian, maksiat, kecurian dan lumba haram (Mohd Razali, 2008).

Penglibatan belia dalam kancah negatif tersebut menunjukkan bahawa mereka lebih tertarik dengan aktiviti tidak berfaedah berbanding menyertai program-program belia. Apa yang pasti, terdapat sesetengah belia yang terlibat dalam beberapa kesalahan atau masalah. Misalnya, belia yang menagih dadah juga secara tidak langsung menjalankan aktiviti mencuri dan pecah rumah untuk mendapatkan duit bagi membeli bekalan dadah. Ini menunjukkan beberapa jenis masalah sosial yang berlaku di rancangan Felda wujud secara bersama dan saling berkait antara satu sama lain. Jenayah, kemiskinan, kurangnya rawatan perubatan, kekerasan, penyalahgunaan dadah dan perilaku lain atau situasi yang biasa kita berfikir sebagai masalah sosial jarang wujud secara berasingan (Kornblum & Julian 1998).

### **Masalah Dalaman JKKR**

Selain itu, ketidakfungsian JKKR juga memberikan impak kepada tahap penyertaan rendah golongan belia dalam setiap program yang diadakan.

JKKR sebagai badan permesyuaratan tertinggi di rancangan perlu ke hadapan dalam berusaha meningkatkan tahap penyertaan belia, apatah lagi program yang dianjurkan tersebut dirancang oleh pihak JKKR sendiri. Apa yang berlaku, JKKR sendiri dilanda masalah dalaman yang agak kritikal. Perpaduan dalam organisasi JKKR kelihatan longgar lantaran sikap berpuak-puak dalam kalangan ahli mesyuarat iaitu ketua-ketua blok. Sentimen berpuak-puak ini berpaksikan kepada fahaman politik sempit yang diamalkan oleh mereka. Tanpa perpaduan yang utuh, sudah pasti setiap keputusan yang melibatkan program pembangunan belia tidak dapat diputuskan secara kolektif.

Di samping itu, para pemimpin dalam JKKR juga tidak mempunyai tahap ilmu pengetahuan yang tinggi selaras dengan perkembangan semasa. Dengan keahlian ketua-ketua blok yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah, maka tidak banyak idea bernas yang dibincangkan untuk membangunkan belia. Hal ini memberi kesan langsung kepada program belia yang mana kebanyakan program yang dicadangkan kurang memenuhi selera belia pada zaman sekarang. Seterusnya, program yang dijalankan hanya memenuhi kehendak ahli JKKR, bukan kehendak sasaran program iaitu belia.

Sepatutnya, sebelum sebarang program atau projek pembangunan belia dirancang, JKKR perlu mendapat pandangan daripada pihak belia terlebih dahulu. Cetusan pandangan dan idea daripada belia juga merupakan salah satu cara menarik penyertaan mereka. Melalui penyertaan pengurusan projek, individu mempunyai peluang untuk mengembangkan kemahiran kepimpinan mereka, terlibat dalam organisasi kolektif dan menyertai proses membuat keputusan secara telus dan demokratik yang memegang akauntabiliti institusi yang mempengaruhi kehidupan mereka. Kualiti tersebut merupakan elemen proses pendayaupayaan (Crystal & Gutberlet, 2010).

JKKR juga mengalami masalah kewangan yang kritikal kerana tabungan untuk program pembangunan komuniti terutama belia tidak dapat dianjurkan kerana kesan langsung keengganan pihak peneroka menghantar hasil ladang kepada pihak Felda. Oleh itu, sesetengah program pembangunan belia tidak dapat dijalankan, namun hanya program berskala kecil mampu dilaksanakan.



## PENUTUP

Peningkatan jumlah generasi baharu iaitu belia di rancangan Felda ini memberi cabaran baharu kepada JKKR. Salah satu peranan JKKR adalah membangunkan golongan belia. Perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana generasi belia ini merupakan bakal pengganti golongan peneroka yang sedia ada. Jika dianalisis secara tuntas, jelas terbukti bahawa generasi belia di Felda Jerangau sedang berhadapan dengan kemelut sosial terutama penagihan dadah dan pengangguran. Keterlibatan belia dalam penagihan dadah secara langsung merencatkan proses penyertaan mereka dalam program pembangunan komuniti setempat.

Menurut Turiman et al. (2008b), salah satu cabaran dalam pembangunan belia ialah penglibatan belia dalam penyalahgunaan dadah dan gejala sosial. Kemungkaran dan maksiat seperti pelacuran, perjudian, alkohol, rokok, lepak dan aktiviti sosial lain yang tidak terkawal mempunyai daya tarikan tersendiri perlu dibendung bagi memastikan kesejahteraan belia itu sendiri, keluarga dan masyarakat. Justeru, beberapa contoh masalah sosial tersebut memberi gambaran jelas bahawa belia di rancangan ini berada di ambang bahaya. Oleh itu, JKKR sebagai badan tertinggi perlu memainkan peranan dengan lebih profesional dan proaktif agar golongan belia terselamat daripada sebarang perkara yang tidak diinginkan.

Dalam usaha merealisasikan agenda pembangunan belia yang mampan, setiap program pembangunan komuniti yang bakal dilaksanakan perlu mendapat pandangan, idea dan kritikan daripada belia terutama mereka yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial. Ini kerana program pembangunan tersebut dikhususkan kepada mereka dan hanya mereka yang tahu keperluan dan kehendak semasa belia di rancangan Felda khususnya. Hanya dengan mendengar kata-kata belia berisiko kita dapat mencari cara terbaik untuk membantu mereka mencapai masa depan lebih positif dan sihat (Robin et al., 2008). Walau bagaimanapun, dalam menjayakan agenda pembangunan belia ini, aspek politik dan kepimpinan perlu lebih ditekankan. Ini kerana belia ini bakat menerajui kepimpinan komuniti Felda pada masa akan datang. Oleh itu, minat terhadap politik dan proses politik perlu disemai semenjak belia lagi. Orang muda berminat dalam politik, tetapi tidak dalam proses politik (James, 2007), maka belia perlu diberi peluang untuk menyertai proses membuat keputusan khususnya dalam organisasi JKKR.

RUJUKAN

- Azimi Hamzah, Turiman Suandi & Ezhar Tamam. 2002. *Persatuan Belia di Malaysia: Perkembangan & Penyerlahan Potensi*. Serdang: Unit Pengajian Pembangunan Belia, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Azizan Bahari. 2005. *Menghayati Kerja Sukarela*. Petaling Jaya: Qarya Sdn.Bhd.
- Crystal Tremblay & Jutta Gutberlet . 2010. Empowerment through participation: assessing the voices of leaders from recycling cooperatives in Sao Paulo, Brazil. *Community Development Journal*, October 2010. [http:// cdj . oxfordjournals .org /content /early /2010 /10/18/ cdj.bsq040.full.pdf](http://cdj.oxfordjournals.org/content/early/2010/10/18/cdj.bsq040.full.pdf)
- Dasar Pembangunan Belia Negara*. 1997. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2010. [http://www.ippbm.gov.my/v2/index.php?option=com\\_rubberdoc&view=category&id=45&Itemid=93&lang=bm](http://www.ippbm.gov.my/v2/index.php?option=com_rubberdoc&view=category&id=45&Itemid=93&lang=bm)
- James Sloam. 2007. Rebooting Democracy: Youth Participation in Politics in the UK. *Parliamentary Affairs* Vol. 60, No. 4: 548- 567. [http://pa.oxfordjournals.org/ content /60/4/548](http://pa.oxfordjournals.org/content/60/4/548).
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. 2006. *Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. [http : // www. kbs.gov.my/ dokumen/pekeliling/FAQ\\_akta\\_belia.pdf](http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ_akta_belia.pdf)
- Linda A. Mooney, David Knox & Caroline Schacht. 2000. *Understanding Social Problems*. Second Edition. USA: Wadsworth Thomson Learning.
- Mohd Jamil Mukmin. 1994. *Dasar Belia Negar: Satu Tinjauan*. Kuala Lumpur: Majlis Belia Malaysia (MBM).
- Mohd Razali Harun. 2008. *Peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan Dalam Pembangunan Belia di Felda Jerangau, Terengganu, Malaysia*. Tesis Master. Tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Nobaya Ahmad. 2009. Penyertaan Belia dalam Masyarakat Civil. Dalam *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Siri Pembangunan Belia. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan

- Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Malaysia.
- Robin E. Kalish, Bridget Voigt, Afsaneh Rahimian, Joseph DiCara and Karen Sheehan. 2008. *Listening to Youth: Reflections on the Effect of a Youth Development Program*. Health Promotion Practice. SAGE Journals Online. <http://hpp.sagepub.com/content/11/3/387>.
- Samsudin A.Rahim. 2005. *Pembangunan Belia: Realiti, Cabaran dan Menuju Ke Hadapan*. Dalam Siri Prosiding. Realiti Generasi Muda: Melangkah ke Hadapan. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM).
- Suroya Selamat. 1998. *Senario Pergerakan Belia Malaysia*. Pengukuhan Sinergi Belia dan Negara: Agenda Agen Pembangunan Pewaris Negara. Serdang: Unit Pembangunan Pengajian Belia, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Turiman Suandi, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Siti Raba'ah Hamzah, Dzulhailmi Dahalan, Mohammad Rezal Hamzah & Wan Mahzom Ahmad Shah. 2008a. *Jalinan Sosial Belia Malaysia: Implikasinya Terhadap Pembinaan Negara*. *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS*. Suntingan Jamilah Othman, Md Salleh Hassan, Bahaman Abu Samah, Jegak Uli, Nobaya Ahmad & Mazanah Muhamad. Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia.
- Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Ezhar Tamam & Azimi Hamzah. 2008b. *Pembangunan Belia Ke Arah 2057: Isu dan Cabaran*. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, Bilangan 1, Disember. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Yaacob Harun. 1987. *Kehidupan Orang Melayu di Perkampungan Felda: Masalah Pembangunan*. Dalam *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. Disusun oleh Mohd Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- W. Kornblum & J. Julian. 1998. *Social Problems*. New Jersey: Prentice Hall.

PROFIL PENULIS

**Mohd Razali Harun, MSc**

Calon PhD

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

**Sarjit S. Gill, PhD**

Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

Merangkap

Karyawan Tamu Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

dan Ahli Institut Integriti Malaysia (IIM)

sarjit@putra.upm.edu.my